

Malaysia tiada agenda tersembunyi

23 DEC 1999

JAKARTA 22 Dis. — Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Rastam Mohd. Isa menegaskan, Malaysia tidak mempunyai sebarang agenda tersembunyi semasa menyatakan kesediaan untuk menjadi orang tengah bagi menyelesaikan isu Aceh.

Beliau menegaskan, kesediaan Malaysia untuk menjadi orang tengah itu adalah atas permintaan Presiden Abdurrahman Wahid yang dibuat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan semasa berada di Kuala Lumpur November lalu.

“Langkah apa yang bakal

diambil oleh Malaysia adalah berdasarkan kepada permintaan kerajaan Indonesia kepada kita,” katanya ketika ditemui di sini.

Rastam diminta mengulas kenyataan seorang anggota Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) Indonesia, Ade Kamarudin yang mempertikaikan keikhlasan Malaysia untuk menjadi orang tengah dalam penyelesaian isu Aceh dan meminta negara itu membuat penjelasan berhubung perkara itu.

Ade dalam kenyataannya berkata, sememangnya tidak salah untuk Malaysia menjadi orang tengah tetapi sebelum itu negara jiran berkenaan harus menjelas-

kan apa maksudnya mereka mahu bertindak demikian.

“Ini kerana Malaysia juga menjadi tempat melindungi anggota Gerakan Aceh Merdeka (GAM),” katanya.

Minta bantuan

Sebelum ini, Menteri Luar Indonesia, Alwi Shihab pada 9 Disember lalu memberitahu wartawan bahawa Presiden Abdurrahman Wahid telah meminta bantuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menggunakan pengaruhnya bagi membantu menyelesaikan masalah Aceh

terutama dalam soal berbincang dengan anggota GAM di Malaysia.

Rastam berkata, kenyataan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar baru-baru ini bahawa Malaysia bersedia menjadi orang tengah sudah menampakkan keseriusan negara kita dalam soal itu.

“Kita adalah negara tetangga yang terdekat sekali. Oleh itu kenyataan Syed Hamid itu sudah jelas membuktikan bahawa kita benar-benar serius membantu Indonesia atas permintaan mereka,” katanya.

Sebelum itu, ketika ditanya wartawan Indonesia selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua Majlis

Permesyuaratan Rakyat (MPR), Amien Rais, Rastam menegaskan, sebarang langkah yang bakal dilakukan oleh Malaysia dalam menyelesaikan isu Aceh adalah bergantung kepada sikap dan tindak balas kerajaan Indonesia sendiri.

“Malaysia tidak menawarkan diri. Oleh itu terpuang kepada Indonesia untuk memberitahu kami, apakah langkah yang harus diambil bagi membantu mereka menangani konflik di Aceh,” katanya.

Rastam juga menafikan dakwaan bahawa salah satu negeri di Malaysia menjadi tempat kegiatan dan latihan anggota GAM.

— *Utusan*